

BAB 1: LANGKAH KESELAMATAN DI MAKMAL

LATIHAN 1

1. Peralatan perlindungan diri yang berikut, digunakan di dalam makmal sekolah kecuali?

- A. Kot makmal
- B. Topeng muka
- C. Topi keselamatan
- D. Sarung tangan getah

JAWAPAN:

2. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi gogal?

- A. Melindungi mata daripada kepenatan
- B. Melindungi mata daripada sinar ultraungu
- C. Melindungi mata daripada terkena bahan kimia berbahaya
- D. Melindungi muka daripada terkena bahan kimia berbahaya

JAWAPAN:

3. Antara bahan berikut, yang manakah perlu dikendalikan di dalam kebuk wasap?

- A. Etanol
- B. Air suling
- C. Larutan ammonia
- D. Asid hidroklorik pekat

JAWAPAN:

4. Antara bahan berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bahan yang boleh dibuang ke dalam singki?

- A. Bahan yang reaktif
- B. Mempunyai nilai pH 6
- C. Mempunyai nilai pH 10
- D. Sebatian pelarut organik

JAWAPAN:

5. Semasa sekumpulan murid menjalankan eksperimen di makmal, sebatang termometer merkuri telah jatuh ke lantai dan pecah.

Antara tindakan berikut, yang manakah **tidak** sepatutnya dilakukan oleh murid tersebut?

- A. Maklumkan kepada guru dengan segera
- B. Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan
- C. Kutip serpihan kaca dan tumpahan merkuri menggunakan tangan
- D. Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan

JAWAPAN:

6. Bagaimanakah sisa biologi seperti darah perlu dilupuskan?

- A. Dimasukkan ke dalam bekas khas
- B. Dibuang ke dalam tong sampah
- C. Dinyahkontaminasi secara autoklaf
- D. Dibalut di dalam tisu dan disejukkubekukan

JAWAPAN:

7. Apakah jenis pemadam kebakaran yang boleh memadamkan kebakaran melibatkan peralatan elektrik?

- A. Air
- B. Buih dan air
- C. Serbuk kering dan buih
- D. Karbon dioksida dan serbuk kering

JAWAPAN:

8. Apakah kebaikan pemadam api ABC?

- A. Ringan
- B. Mudah diselenggara
- C. Hanya perlu disembur sekali sahaja
- D. Boleh memadamkan kebakaran jenis cecair sahaja

JAWAPAN:

9. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya bahagian badan seseorang terbakar?

- A. Guna air untuk memadamkan api
- B. Sembur dengan buih
- C. Selimutkan dengan selimut kebakaran
- D. Guna pasir untuk memadamkan api


JAWAPAN:

10. Sekolah anda telah didatangi oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan audit ke atas alat pemadam kebakaran. Berikut ialah perkara yang diperiksa **kecuali**

- A. tarikh luput pemadam kebakaran
- B. jenis pemadam kebakaran
- C. bilangan pemadam kebakaran
- D. pembekal pemadam kebakaran

JAWAPAN:

11. Rajah 1 menunjukkan alat pemadam kebakaran yang biasa dijumpai di kawasan sekolah.



Rajah 1

a. Nyatakan warna label bagi pemadam kebakaran X dan Y.

X: Y:

b. Berdasarkan rajah, nyatakan satu pemadam api yang boleh memadam kebakaran yang melibatkan minyak masak.

.....

c. Susun kaedah penggunaan alat pemadam kebakaran mengikut urutan yang betul.

☐ Ratakan semburan ke seluruh sumber api dengan menggerakkan muncung alat pemadam kebakaran dari sisi ke sesi.

☐ Halakan muncung alat pemadam kebakaran ke pangkal api.

☐ Tanggalkan pin keselamatan daripada alat pemadam kebakaran.

☐ Tekan pemicit ke atas alat pemadam kebakaran.

d. Kenal pasti perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan audit alat pemadam kebakaran di sekolah.

☐ Tarikh luput

☐ Jenis pemadam kebakaran

☐ Meter tekanan